

# HUBUNGAN ANTARA CIRI-CIRI KORPORAT DAN PENDEDAHAN SUMBANGAN KORPORAT BERKAITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019: SATU CADANGAN RANGKA KERJA KONSEPTUAL

## *RELATIONSHIP BETWEEN CORPORATE CHARACTERISTICS AND CORPORATE CORONAVIRUS DISEASE 2019 RELATED CONTRIBUTION DISCLOSURE: A PROPOSED CONCEPTUAL FRAMEWORK*

**Mohd Farid Asraf Md Hashim**

Tunku Puteri Intan Safinaz, School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia,  
(E-mail: mdfarid@uum.edu.my)

### **Article history**

**Received date** : 28-9-2020  
**Revised date** : 29-9-2020  
**Accepted date** : 8-10-2020  
**Published date** : 9-10-2020

### **To cite this document:**

Mohd Farid Asraf Md Hashim (2020). Hubungan antara ciri-ciri korporat dan pendedahan sumbangan korporat berkaitan penyakit Coronavirus 2019. Satu cadangan rangka kerja konseptual. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 5 (28), 69 - 84

---

**Abstrak:** Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan di dalam menangani pandemik penyakit Coronavirus 2019 (Covid -19). Namun begitu, usaha ini perlu disokong oleh pihak korporat dan tidak hanya bergantung kepada kerajaan semata-mata. Selain daripada meningkatkan kesejahteraan masyarakat, sumbangan korporat adalah penting memandangkan perhatian yang diberikan oleh pihak pemegang taruh terhadap bagaimana usaha dan tindakbalas pihak korporat di dalam mendepani isu Covid-19. Justeru, pengkomunikasian sumbangan korporat berkaitan isu Covid-19 menerusi pendedahan korporat adalah penting kerana ianya bukan sahaja bertindak sebagai mekanisma kawalan tetapi juga menjadi pemangkin kepada kelebihan persaingan syarikat. Melihat kepada keterbatasan literatur yang mengkaji pendedahan filantropi korporat secara spesifik, artikel ini membincangkan secara konseptual faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi pendedahan sumbangan korporat berkaitan Covid-19. Berasaskan kepada perspektif agensi dan pihak pemegang taruh, lima ciri syarikat akan dibincangkan iaitu saiz syarikat, reputasi, keuntungan, leveraj dan kecairan syarikat. Artikel ini dijangka menyumbang dari segi pengayaan skop literatur berkaitan filantropi korporat khususnya sumbangan terhadap inisiatif Covid-19. Ianya juga memberi suatu sudut pandang terhadap potensi hubungan antara ciri-ciri korporat dan pendedahan sumbangan berkaitan Covid – 19.

**Kata kunci:** Tanggungjawab Sosial Korporat, Filantropi Korporat, Covid-19, Pendedahan Korporat

**Abstract:** *Various initiatives were employed by the government in addressing the Coronavirus disease 2019 (Covid-19) pandemic. However, the corporates should also support these efforts and **not** relying on the government alone. In addition to improve the wellbeing of the society, corporate contributions are vital since the stakeholders placed their scrutiny on the efforts and responses by the corporates in facing the issue of Covid-19. Thus, communication on the Covid-19 related contributions through corporate disclosure is vital as it does not only act as a company's control mechanisms, but also as a catalyst for competitive advantage. Due to the limited literature that specifically studied on the corporate philanthropy disclosure, this article conceptually discusses the factors that may affect the corporate contribution disclosure pertaining to Covid-19. Based on the agency and the stakeholders' perspectives, five company's characteristics will be discussed including the company size, reputation, profit, leverage, and liquidity. This article is expected to enrich the scope of corporate philanthropy literature particularly the contribution to Covid-19 initiatives. It also provides an insight into the potential relationship between corporate characteristics and the disclosure of corporate contributions related to Covid – 19.*

**Keywords:** *Corporate Social Responsibility, Corporate Philanthropy, Covid-19, Corporate Disclosure*

---

## Pengenalan

Sehingga penghujung bulan September<sup>1</sup> 2020, lebih daripada 30 juta individu telah dijangkiti virus Covid-19 (Worldometer, 2020). Tidak terkecuali negara Malaysia, menerima impak secara langsung dan tidak langsung, akibat daripada pandemik ini. Seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia<sup>2</sup>, lebih daripada 10,000 ribu rakyat Malaysia telah dijangkiti virus ini (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020). Pandemik ini dilihat memberi impak negatif yang besar terhadap sektor ekonomi negara (Covid-19 beri impak besar KDNK Malaysia - Bank Dunia, 2020, April 10) yang turut memberi kesan terhadap kemerosotan juga kehilangan pendapatan dan pekerjaan individu. Seperti yang diunjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran dijangka akan meningkat kepada 5.5 peratus iaitu lebih 860,000 bagi keseluruhan tahun 2020 berbanding 3.9 peratus pada bulan Mac 2020 (Pejabat Perdana Menteri, 2020).

Sebagai reaksi terhadap impak ini, kerajaan telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi membantu bukan sahaja sektor perniagaan tetapi juga pelbagai lapisan masyarakat yang terkesan akibat daripada pandemik ini seperti yang terkandung di dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Namun begitu, bantuan ini seharusnya bukan sahaja digalas oleh pihak kerajaan tetapi juga pihak korporat. Tanggungjawab korporat bukan sahaja terhadap kepada tanggungjawab ekonomi tetapi juga tanggungjawab kedermawanan (budi bicara) (Carroll, 1979). Pandemik Covid-19 turut memberikan impak terhadap bagaimana tanggungjawab sosial korporat dilaksanakan Terdapat dua kemungkinan yang berlaku. Pertama, disebabkan oleh limitasi dari segi sumber dan tekanan kewangan yang dihadapi, syarikat mungkin mengurangkan pelaburan jangka panjang ke atas tanggungjawab sosial korporat. Kedua,

---

<sup>1</sup> Sehingga 23 September 2020

<sup>2</sup> Sehingga 23 September 2020

syarikat akan memberikan komitmen secara proaktif dengan melaksanakan pelbagai inisiatif di dalam membantu melawan virus ini (He & Harris, 2020).

Melihat kepada senario yang berlaku di Malaysia, pelbagai usaha dan inisiatif sumbangan yang dilaksanakan oleh pihak korporat di dalam membantu mengurangkan impak Covid-19 ke atas masyarakat. Antaranya sumbangan tunai dan juga kelengkapan kesihatan (Covid-19: Sunway sumbang RM34 juta, 2020; Mahanum Abdul Aziz, 2020). Perkembangan ini tidak mengejutkan jika melihat kepada kandungan akhbar mahupun media yang melaporkan mengenai sumbangan pihak korporat ke atas isu Covid- 19 kebelakangan ini.

Namun begitu, terdapat beberapa persoalan yang mungkin boleh dibangkitkan di sini seperti; adakah kesemua aktiviti ataupun sumbangan bagi tujuan Covid -19 ini dilaporkan di dalam laporan tahunan khususnya bagi syarikat senaraian Bursa Malaysia? Adakah terdapatnya keselarian ataupun konflik antara kehendak pemegang-pemegang saham dan masyarakat berhubung kedermawanan korporat yang dilaksanakan (Canny, 2014)? Selain itu, perlu juga dilihat isu motif pemberian oleh pihak pengurusan samada ianya sejajar dengan matlamat kewangan pemegang saham iaitu pemaksimuman kekayaan (Coffey & Wang, 1998; Masulis & Reza, 2014).

Oleh itu, adalah penting untuk sesuatu syarikat untuk mendedahkan sebarang aktiviti kedermawanan korporat walau apa tujuan sekalipun mengambilkira syarikat bukan sahaja bertanggungjawab terhadap kepentingan pemegang saham (Campbell & Slack, 2008; Raja Adzrin Raja Ahmad et al., 2009), tetapi juga perlu mengambilkira kepentingan serta persepsi pemegang taruh yang lain. Ini perlu diperhalusi memandangkan tanggungjawab kedermawanan (*philanthropic responsibility*) syarikat memainkan peranan penting di dalam mempengaruhi keputusan gelagat pembelian dan kesetiaan pengguna (Rahizah Abdul Rahim et al., 2011; Zubair Hassan et al., 2013). Tidak mustahil, pengguna mahupun pemegang taruh turut akan bertanya, apakah yang telah disumbangkan oleh pihak korporat di dalam memitigasikan impak negatif yang dibawa oleh pandemik Covid-19?

Maklumat berkenaan sumbangan korporat tidak tersedia di Malaysia memandangkan pelaporan berkenaannya tidaklah menjadi suatu keperluan atau mandatori. Akta Syarikat 2016 tidak melarang sesuatu syarikat untuk melaksanakan aktiviti derma ataupun sumbangan amal. Akta ini turut tidak memperuntukkan sebarang klausa berkenaan pendedahan derma oleh syarikat. Di samping itu, Bursa Malaysia pada tahun 2015 telah melancarkan Panduan Laporan Kelestarian. Namun, pendedahan pelaksanaan filantropi korporat secara spesifik tidak diberikan penekanan di dalam panduan ini.

Walaupun kedermawanan korporat dilihat sebagai komponen penting di dalam tanggungjawab sosial korporat (TSK), kajian berkaitan pendedahannya secara spesifik masih kurang diberi perhatian berbanding dengan tema TSK yang lain (Canny, 2014; Morris & Bartkus, 2015; Raja Adzrin Raja Ahmad, 2010; Valor & Zasuwa, 2017). Pandangan ini juga konsisten dengan Hossain dan Nurrazura Mohamad Diah (2015) yang mendapati terdapatnya keterbatasan kajian berkaitan pelaporan TSK yang meneliti secara spesifik sumbangan dan pemberian terhadap isu-isu tertentu seperti kesihatan dan pendidikan yang dilakukan oleh syarikat - syarikat di Malaysia.

Justeru, artikel ini merupakan suatu respons kepada isu-isu di atas dengan memberikan suatu cadangan rangka kerja konseptual berkenaan ciri-ciri syarikat yang mempengaruhi tahap pendedahan sumbangan korporat terhadap isu Covid-19 di dalam laporan tahunan syarikat. Laporan tahunan dijadikan fokus kepada medium komunikasi di dalam artikel ini memandangkan keupayaannya sebagai 'pengurus' konflik kehendak antara pemegang saham dan pihak pemegang taruh yang lain (Canny, 2014).

Terdapat beberapa alternatif lain yang boleh diaplikasikan oleh syarikat untuk mengkomunikasikan aktiviti tanggungjawab sosial korporat kepada pihak pemegang taruh seperti liputan media dan laman web syarikat (Canny, 2014). Namun, penggunaan platform alternatif ini mungkin membangkitkan persoalan dari segi sejauhmana ianya sesuai bertindak sebagai mekanisma di dalam memastikan akauntabiliti terhadap penggunaan dana pemegang-pemegang saham terlaksana. Ianya amat penting apabila melihat kepada konteks pendedahan sebagai salah satu kaedah pengurusan konflik antara matlamat pemegang-pemegang saham dan kehendak pihak pemegang taruh yang lain.

Memandangkan terdapatnya tuntutan (*demands*) yang berbeza daripada pemegang taruh yang pelbagai, dua perspektif pendedahan akan disentuh di dalam perbincangan artikel ini. Pertama ialah perspektif pihak pemegang taruh (masyarakat dan komuniti yang lebih meluas) dan kedua, aspek akauntabiliti terhadap pemegang-pemegang saham.

Tidak dinafikan terdapatnya banyak literatur terdahulu yang menilai hubungan antara ciri-ciri syarikat dan pelaporan tanggungjawab sosial korporat termasuk dari perspektif Malaysia (contohnya Irma Yazreen Md Yusoff & Yee, 2016; Roszaini Haniffa & Cooke, 2005; Shamsul Nahar Abdullah et al., 2011; Zainab Aman & Sarifah Ismail, 2017). Walaubagaimanapun, terdapatnya limitasi literatur berkaitan pelaporan sumbangan korporat (Fioravante, 2011; Morris & Bartkus, 2015; Raja Adzrin Raja Ahmad, 2010) khususnya yang membabitkan sumbangan berkaitan kesihatan.

Oleh yang demikian, literatur berkaitan pendedahan TSK dan kedermawanan korporat secara umum turut akan diaplikasikan di dalam perbincangan serta ianya membantu di dalam pembentukan rangka kerja konseptual hubungan antara tahap pendedahan syarikat terhadap sumbangan berkaitan Covid – 19 dan ciri-ciri korporat.

## **Sorotan literatur dan Pembentukan Hipotesis**

### **Filantropi Korporat**

Secara asasnya, filantropi ataupun kedermawanan ditafsirkan sebagai rasa kasih sayang terhadap manusia, ataupun kemurahan hati sesama manusia (Pusat Rujukan Persuratan Melayu). Secara spesifik, Raja Adzrin Raja Ahmad et al. (2009) menjelaskan bahawa filantropi korporat merujuk kepada pemberian sukarela syarikat di dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan seperti sumbangan peralatan dan bekalan serta kerja-kerja amal yang diberikan oleh pekerja korporat bagi tujuan membentuk masyarakat yang lebih baik. Definisi yang hampir sama diberikan oleh Madden et al. (2006). Di dalam kajian mereka, filantropi korporat bermaksud pemberian wang, masa dan sumbangan di dalam bentuk barangan oleh syarikat secara sukarela tanpa memperolehi apa-apa manfaat komersial secara langsung, kepada satu

organisasi ataupun lebih dengan tujuan utama untuk memberikan manfaat kepada kebajikan komuniti.

Melihat kepada perkembangan terkini, filantropi korporat telah melalui satu proses evolusi yang melangkaui kedermawanan bersifat altruism kepada suatu instrumen strategik syarikat (Fioravante, 2011). Berbeza dengan filantropi korporat yang bersifat altruisma, filantropi korporat yang strategik lebih memfokuskan kepada prestasi kewangan, mempengaruhi persepsi dan tumpuan ke atas beberapa bidang yang dirasakan penting oleh syarikat. Ianya selari dengan misi, nilai mahupun teras operasi perniagaan yang dilakukan (Saiia et al., 2003; Ricks Jr. & Williams, 2005; Campbell & Slack, 2008). Dengan erti kata lain, filantropi korporat bukannya sahaja memberi manfaat kepada pelbagai pihak pemegang taruh khususnya komuniti, pada masa yang sama ianya mampu meningkatkan reputasi, nilai pemegang saham, prestasi kewangan dan kelestarian syarikat (Hess et al., 2002; Brannen, 2008; Noked, 2011; Zhou, Pan & Wang, 2015; Hogarth et al., 2016).

Senada dengan perbincangan di atas, syarikat mampu mencapai manfaat ekonomi jangka panjang dan kekal kompetitif jika berjaya memenuhi keperluan pihak pemegang taruh yang berbeza. Tidak terhad kepada itu, keperluan dan kepentingan pemegang saham hanya boleh dipenuhi sekiranya keperluan pihak pemegang taruh lain turut dipenuhi (Jonker & Foster, 2002; Jamali, 2008). Dengan sumber dan sumbangan penting yang telah disalurkan oleh pihak berkepentingan ini, adalah menjadi tanggungjawab syarikat di dalam memenuhi keperluan mereka melalui kegiatan atau aktiviti yang dapat mengimbangi tuntutan kelompok pemegang taruh yang berlainan (Ruf et al., 2001; Huang & Kung, 2010). Keseimbangan ini adalah amat penting khususnya di dalam mendepani isu Covid – 19 yang memberikan banyak impak negatif terhadap pelbagai lapisan pihak pemegang taruh. Dalam erti kata lain, syarikat-syarikat seharusnya terlibat dengan aktiviti kedermawanan yang pelbagai di dalam mencapai pembangunan sosial (Hossain & Nurazzura Mohamad Diah, 2015) yang mungkin tidak diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan atau untung yang lain (Irma Yazreen Md. Yusoff & Yee, 2016).

Mengambil kira pandangan oleh Noble et al. (2008), sumbangan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat di Malaysia berhubung pandemik Covid-19 mungkin merupakan suatu petunjuk atau simbol kepada pihak pemegang taruh bahawa syarikat adalah warga korporat yang baik (*Good Corporate Citizen*) di dalam memenuhi keperluan pemegang taruh dan menjadikan sumbangan sebagai suatu norma di dalam menjalankan perniagaan. Syarikat-syarikat perlu memberikan fokus yang lebih ke atas usaha di dalam mendepani isu-isu sosial semasa wabak ini berlaku dan juga di masa hadapan (He & Harris, 2020). Hujah ini ada kebenarannya apabila terdapatnya corak perubahan di dalam penekanan aktiviti kelestarian yang dilaksanakan oleh pihak korporat serta organisasi lain. Penularan pandemik ini telah memberi implikasi ke atas organisasi termasuk peningkatan perhatian terhadap dimensi ataupun isu sosial dan pada masa yang sama, mengurangkan penekanan terhadap isu alam sekitar (Barreiro-Gen et al., 2020).

Tindakan ini adalah sangat penting bukan sahaja untuk mendapatkan impak positif hasil dari pemberian yang dilakukan, tetapi ianya juga penting bagi mengelakkan sebarang konflik yang negatif daripada kumpulan bukan pemegang saham yang mana akhirnya membawa kepada terjejasnya imej, reputasi syarikat serta nilai pegangan saham (Ruf et al., 2001). Seperti yang dilaporkan oleh Ruiz et al. (2020), syarikat di Sepanyol yang memberi menderma berkaitan

Covid-19, mempunyai prestasi saham yang lebih baik berbanding dengan syarikat yang tidak menderma. Hasil kajian juga mendapati bahawa pemberian ketika krisis Covid – 19 berlaku, turut mampu mengubah persepsi masyarakat ke atas syarikat selain daripada keputusan pembelian oleh pengguna. Dapatan kajian ini memberi suatu indikasi bahawa pemberian syarikat ketika krisis Covid-19 bukan sahaja memberi kesan positif terhadap kewangan syarikat, malah mampu memberikan persepsi yang baik dari kaca mata masyarakat (Ruiz et al., 2020) serta peningkatan nilai jenama syarikat (Karthick et al., 2020).

Namun begitu, percanggahan pandangan antara prinsipal dan ejen merupakan suatu isu di dalam kedermawanan korporat. Ini berpunca daripada ketidakpastian berkenaan dengan aliran manfaat dan hasil yang akan diterima oleh pemegang-pemegang saham menerusi aktiviti-aktiviti kebajikan yang diperuntukkan (Faris, 2010; Wang & Coffey, 1992; Werbel & Carter, 2002). Malah, adanya keadaan di mana pihak pengurusan mungkin mempunyai kepentingan ataupun kecenderungan peribadi di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kedermawanan dan keputusan derma yang dilakukan oleh pihak pengurusan mungkin tidak sejajar dengan kepentingan kewangan pemegang saham (Coffey & Wang, 1998; Masulis & Reza, 2014).

Justeru, tidaklah mustahil untuk dikatakan bahawa, ada kemungkinan sumbangan yang dilakukan oleh syarikat-syarikat ke atas inisiatif Covid-19 mungkin bermotifkan kepentingan peribadi berbanding kepentingan mahupun kehendak pemegang-pemegang saham. Apatah lagi jika keadaan syarikat juga terjejas dari sudut perolehan dan keuntungan berpunca daripada pandemik ini. Sedangkan asas kepada tanggungjawab perniagaan seperti yang dicanangkan oleh Friedman (1970) adalah untuk meningkatkan keuntungan dan kepentingan pemegang-pemegang saham perlu diberi keutamaan berbanding pihak yang lain.

### **Pendedahan Filantropi Korporat**

Sebagai suatu elemen penting di dalam pembuatan keputusan oleh pihak pengurusan, filantropi korporat memberi kesan ke atas pasaran saham dan pegangan pasaran bagi sesuatu syarikat (Owen & Scherer, 1993). Keupayaan mengkomunikasikan filantropi korporat secara berkesan kepada kumpulan pemegang taruh merupakan satu faktor yang perlu dititikberatkan di dalam pembangunan dan kejayaan jangka panjang syarikat (Moir, 2003).

Agak menarik untuk menyentuh pandangan Mitchell et al. (1997) yang menjelaskan tentang keutamaan (*priority*) pengurusan di dalam memberi respons terhadap pihak pemegang taruh dengan melihat kepada aspek kekuasaan yang dimiliki, legitimasi permintaan, dan kesegeraan keperluan mereka. Mungkin ada kebenarannya terdapat kumpulan pihak pemegang taruh yang terkesan dengan pandemik Covid – 19 mempunyai pengaruh tidak langsung ke atas ekonomi syarikat. Namun, berasaskan kepada kesukaran yang dihadapi, keperluan mereka adalah penting dan perlu diberi perhatian segera. Dalam hal ini, sungguhpun pihak awam menyedari bahawa syarikat-syarikat telah menghulurkan bantuan dan sumbangan terhadap isu Covid-19, pengkomunikasian seterusnya perlu diterjemahkan bagi mengukuhkan lagi kesan legitimasi dan perspektif positif dari pihak pemegang taruh.

Justeru, pelaksanaan dan pengkomunikasikan filantropi korporat (dalam konteks sumbangan berkaitan Covid-19) dapat membantu syarikat di dalam memberi satu petunjuk bahawa matlamat dan tingkahlaku syarikat adalah sejajar dengan keperluan dan pandangan pihak pemegang taruh yang berbeza (Genest, 2005; Lev et al., 2011; Saiia et al., 2003; Smith, 1994;

Wymer, 2006). Ianya memberikan manfaat dari segi pengukuhan imej syarikat yang baik di mata komuniti, pelanggan, malah kerajaan tempatan (Bartkus et al., 2002; Bennett, 1998; Lev et al., 2011; Porter & Kramer, 2002) serta memastikan kejayaan kewangan dan kelestarian firma tercapai (Freeman, 1984).

Hossain dan Nurrazura Mohamad Diah (2015) telah melakukan sebuah kajian khusus berkenaan sumbangan korporat terhadap sektor kesihatan. Dengan data yang diperolehi menerusi pendedahan di dalam laporan tahunan 2013, antara aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat di Malaysia ialah aktiviti berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, sumbangan kepada golongan kelainan upaya dan autistik, derma darah, aktiviti pempromosian perubatan tradisional, kempen-kempen serta sumbangan terhadap penyakit-penyakit yang berbeza. Secara ringkas, dapatan di dalam kajian ini memberi petunjuk bahawa aktiviti berkaitan tanggungjawab sosial ini bukan sahaja bertindak sebagai alat pengurusan impresi syarikat tetapi juga membentuk imej yang baik dari kaca mata masyarakat, selari dengan pemahaman yang dicadangkan oleh perspektif pihak pemegang taruh dan juga legitimasi. Walaubagaimanapun, Hossain dan Nurrazura Mohamad Diah (2015) tidak mengkaji berkenaan faktor-faktor yang menyumbang kepada pendedahan sumbangan berkaitan kesihatan di laporan tahunan.

Perbincangan seterusnya akan memberikan fokus berkenaan pembentukan hipotesis dengan melihat kepada lima ciri syarikat yang berpotensi di dalam mempengaruhi tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19.

### **Saiz Syarikat**

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa syarikat besar menyumbang jumlah derma yang lebih tinggi kepada masyarakat (Useem, 1988; Atkinson & Glaskiewicz, 1988; Buchholtz et al., 1999). Useem (1988) menerangkan bahawa sumbangan korporat dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor pasaran dan faktor institusi. Faktor pasaran adalah penting tetapi faktor institusi seperti saiz sesuatu firma adalah elemen terpenting di dalam menentukan keputusan terhadap sumbangan korporat. Syarikat besar mempunyai polisi yang selari dengan norma komuniti korporat serta menjurus kepada program pemberian yang lebih formal dan tersusun.

Selain itu, firma yang lebih besar mempunyai kelebihan dari segi aspek sumber kewangan yang lebih kukuh (Gan, 2006). Dalam hal ini, sumbangan dari syarikat besar adalah tinggi memandangkan ianya yang sentiasa menjadi perhatian awam dan dengan sumber kewangan yang ada, pemberian korporat mampu digunakan sebagai alat pemangkin kepada imej korporat (Amato & Amato, 2007). Amato dan Amato (2011), Azlan Amran et al. (2007), Cha dan Abebe (2016) dan Faris (2010) juga mendapati bahawa saiz syarikat secara positifnya mempunyai hubungan dengan jumlah dan aktiviti-aktiviti kedermawanan korporat. Dapatan-dapatan ini boleh dikaitkan dengan hasil kajian oleh Barreiro - Gen et al. (2020). Mereka menjelaskan bahawa ketika mana penularan Covid-19 berlaku, syarikat yang bersaiz besar memberikan penekanan yang lebih terhadap isu sosial berbanding syarikat kecil yang masih memberi tumpuan kepada isu-isu ekonomi. Dalam hal ini, adanya kemungkinan lebih banyak aktiviti filantropi dilakukan oleh syarikat-syarikat yang bersaiz lebih besar.

Di samping itu, memandangkan syarikat bersaiz besar mempunyai kewangan, kemudahan dan sumber manusia yang lebih kukuh, mereka lebih cenderung untuk mendedahkan lebih banyak

maklumat walaupun dengan ketiadaan standad utnuk dipatuhi (Dissanayake, Tilt & Qian, 2019; Ramadhani & Agustina, 2019), Sayd Kabir dan Lanis (2011) dan Shamsul Nahar Abdullah et al. (2011) melalui kajian masing-masing yang mendapati bahawa saiz syarikat mempengaruhi pendedahan berkaitan TSK.

Merujuk kepada pendedahan kedermawanan korporat secara spesifik, Raja Adzrin Raja Ahmad (2010) mendapati bahawa saiz firma adalah berhubungn secara signifikan dengan pendedahan kedermawanan korporat di dalam laporan tahunan mahupun laporan kelestarian syarikat di Australia. Canny (2014) pula mencadangkan wujudnya pengaruh saiz terhadap tahap pendedahan sumbangan Tsunami di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, Jones dan Tilt (2005) serta Morris dan Bartkus (2015) menemukan saiz syarikat bukanlah faktor yang mempengaruhi pendedahan kedermawanan korporat.

Berdasarkan kepada gabungan perspektif di atas, dicadangkan bahawa terdapatnya hubungan yang positif antara saiz syarikat dan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid -19.

### **Reputasi**

Syarikat-syarikat yang tersenarai sebagai 100 syarikat terbaik di dalam indeks FTSE Bursa Malaysia menjadi tanda aras kepada pasaran saham negara. Kriteria pemilihan bagi disenaraikan di dalam sesuatu indeks memberi petunjuk kepada reputasi yang lebih tinggi (Michelon & Parbonetti, 2012) dan menjadi perhatian di kalangan syarikat dan pihak pemegang taruh.

Syarikat-syarikat yang berkedudukan 100 terbaik dilihat turut menarik minat pihak-pihak yang relevan di dalam pasaran sekuriti menerusi jumlah dagangan dan tahap liputan yang lebih mendalam oleh para analisis berbanding syarikat lain (Barnes, 2008; Habbash et al., 2013). Dengan pasaran permodalan yang besar dan kelebihan ketampakan di kalangan industri masing-masing, ianya lebih berpotensi untuk terdedah kepada tekanan masyarakat dan politik (Belkaoui & Karpik, 1989; Brammer & Millington, 2006; Gamerschlag et al., 2011; Dalilawati Zainal et al., 2013). ‘Ketampakan’ yang lebih meluas dari kaca mata pemegang taruh berbanding syarikat-syarikat lain meningkatkan kemungkinan syarikat untuk mendedahkan lebih banyak maklumat kepada pihak luar (Bravo, 2016).

Belkaoui dan Karpik (1989), Gamerchalag et al. (2011) dan Michelon dan Parbonetti (2012) secara empirikalnya pula mendapati reputasi syarikat dan perhatian yang diberikan oleh pihak pemegang taruh memberi kesan positif terhadap pendedahan maklumat berkaitan TSK. Begitu juga dengan Shamsul Nahar Abdullah et al. (2011) dan Irma Yazreen Md Yusoff dan Yee (2016) yang mendapati 100 syarikat terbaik Bursa Malaysia (berdasarkan permodalan pasaran) mempunyai kecenderungan untuk melaporkan tema berkaitan komuniti dengan memberi penekanan terhadap aktiviti-aktiviti kebajikan dan kedermawanan berbanding dengan tema-tema TSK yang lain di dalam laporan tahunan.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dijangkakan reputasi syarikat khususnya penyenaian sebagai 100 syarikat terbaik di dalam indeks FTSE Bursa Malaysia mampu mempengaruhi tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid -19.



### **Keuntungan**

Syarikat yang mempunyai kewangan yang kukuh lebih cenderung melibatkan diri di dalam aktiviti TSK (Azlan Amran et al., 2007). Melalui kajian terhadap syarikat tersenarai Bursa Malaysia, mereka mendapati bahawa syarikat yang mempunyai keuntungan yang lebih besar meningkatkan peluang di dalam pemberian korporat. Di samping itu, analisis kajian menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif antara tahap keuntungan dengan kedermawanan korporat. Dapatan ini juga konsisten dengan Useem (1988).

Secara asasnya, teori pihak pemegang taruh berhujah bahawa keuntungan adalah salah satu faktor kepada pendedahan maklumat sosial dan persekitaran (Gray et al., 1995). Pihak pengurusan syarikat akan mendedahkan maklumat korporat secara terperinci apabila kadar pulangan adalah tinggi (Singhvi & Desai, 1971). Oleh yang demikian, syarikat yang berkeuntungan berpotensi di dalam mendedahkan maklumat kedermawanan dan kebajikan dengan tujuan memperolehi sokongan dan persepsi yang positif daripada pemegang saham dan pihak pemegang taruh.

Analisis kajian-kajian terdahulu (Jones & Tilt, 2005; Raja Adzrin Raja Ahmad, 2010) mencadangkan bahawa keuntungan syarikat adalah peramal yang signifikan di dalam menjelaskan pendedahan filantropi korporat. Syarikat yang mempunyai keuntungan yang tinggi berkemungkinan tinggi untuk mendedahkan aktiviti-aktiviti kebajikan dan kedermawanan. Lebihan sumber kewangan yang diperolehi oleh syarikat membolehkannya bukan sahaja membabitkan diri di dalam program-program kedermawanan (Adams & Hardwick, 1998) tetapi juga berkecenderungan untuk melaporkan penglibatannya di dalam aktiviti kebajikan dan kedermawanan (Raja Adzrin Raja Ahmad, 2010).

Canny (2014) merumuskan bahawa keuntungan adalah signifikan di dalam menerangkan keputusan pendedahan sumbangan di dalam laporan tahunan dan amaun tunai yang disumbangkan berkaitan isu tsunami di Asia Tenggara di kalangan syarikat di Australia. Namun, penyelidikan oleh Morris dan Bartkus (2015) mendapati keuntungan yang diukur dengan pulangan ke atas aset adalah tidak signifikan di dalam menerangkan pendedahan filantropi korporat.

Berdasarkan kepada gabungan dari justifikasi-justifikasi di atas, kajian ini meramalkan terdapatnya hubungan yang positif antara keuntungan syarikat dan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid -19.

### **Leveraj Kewangan**

Seperti yang dicadangkan oleh teori agensi, syarikat yang mempunyai leveraj yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk mendedahkan lebih maklumat kepada pihak pemegang taruh. Zauwiyah Ahmad et al. (2003) dan Meek, Roberts dan Gray (2005) ada menyatakan bahawa terdapatnya jangkakan bahawa peningkatan leveraj kewangan akan meningkatkan pendedahan sukarela. Di dalam situasi syarikat yang mempunyai leveraj yang tinggi, pendedahan maklumat sukarela yang terperinci mampu menjadi salah satu medium kawalan di dalam melindungi kepentingan pemegang liabiliti, ekonomi syarikat serta mengurangkan kos pengawasan (Akhtaruddin & Hasnah Haron, 2010; Jensen & Meckling, 1976). Dengan erti kata lain, pendedahan maklumat membantu kreditor menilai kemampuan firma memenuhi obligasi liabiliti yang ditanggungnya (Raja Adzrin Raja Ahmad, 2010).

Dari sudut pendedahan sosial korporat, terdapatnya insentif bagi sesebuah syarikat yang mempunyai leveraj yang lebih tinggi untuk mendedahkan lebih banyak komitmen dan inisiatif terhadap masyarakat dan sosial. Ianya bertindak sebagai suatu maklumbalas terhadap jangkaan kreditor berkenaan peranan syarikat di dalam memenuhi kepentingan masyarakat umum (Roberts, 1992). Relevan dengan hal ini, Michelin dan Parboneti (2012) turut menyatakan syarikat yang mempunyai leveraj yang tinggi akan menggunakan pendedahan sosial sebagai medium pengurangan risiko.


Dari sudut kedermawanan korporat, Adams and Hardwick (1998) serta Helland dan Smith (2004) menghuraikan bahawa syarikat yang mempunyai nisbah liabiliti yang tinggi secara signifikannya memberi sumbangan tunai yang lebih rendah kepada badan amal. Azlan Amran et al. (2007) dan Adams et al. (2017) pula menghuraikan bahawa terdapatnya pertalian yang negatif antara leveraj dan derma korporat manakala Mazurina Mohd Ali et al. (2009) tidak menjumpai sebarang hubungan antara derma korporat dan leveraj. Dapatan-dapatan ini mungkin memberi indikasi kemungkinan kesan terhadap tahap pendedahan berkaitan Covid-19 di dalam laporan tahunan. Seperti yang dikemukakan oleh Morris dan Bartkus (2015) serta Raja Adzrin Raja Ahmad (2010), leveraj syarikat tidak mempengaruhi pendedahan kedermawanan korporat. Gabungan hujahan dan teori di atas, membawa kepada jangkaan bahawa leveraj kewangan mempunyai hubungan dengan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid -19.

### **Kecairan**

Kecairan bermaksud kemampuan syarikat untuk menukarkan aset-aset kepada tunai dengan kerugian nilai secara minima (Ezat & Masry, 2008). Faktor ini telah banyak digunakan sebagai pembolehubah di dalam kajian-kajian berkaitan pelaporan korporat. Wallace et al. (1994) dan Cooke (1989) antaranya mengemukakan pandangan bahawa kekukuhan syarikat nisbah kecairan yang tinggi dikaitkan dengan pendedahan maklumat yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan syarikat yang lemah dari aspek kewangannya.

Kecairan (nisbah semasa) juga dilihat sebagai '*slack resource*' yang memberikan fleksibiliti di dalam membentuk strategi yang mampu meningkatkan prestasi syarikat (Bromiley, 1991; Greenley & Oktemgil, 1998). Mengambil kira dari sudut pandang kedermawanan korporat, perbincangan oleh Amato dan Amato (2007), Raja Adzrin Raja Ahmad (2010) dan Adams et al. (2017) memberi bayangan bahawa kemampuan '*slack resource*' bertindak sebagai pemangkin pelaksanaan program-program berasaskan kedermawanan serta tahap sumbangannya. Hal ini turut memberi bayangan bahawa pendedahan berkaitan sumbangan Covid-19 berkemungkinan lebih tinggi melihat kepada pemangkinan keterlibatan program kedermawanan korporat oleh syarikat yang mempunyai kecairan yang lebih baik. Empirikalnya, Ezat dan Masry (2008) mencadangkan bahawa tahap kecairan adalah signifikan di dalam menentukan tahap pendedahan korporat.

Namun, bertentangan dengan diskusi di atas, terdapat penemuan empirikal yang lain mendapati adanya hubungan negatif yang signifikan ataupun ketiadaan hubungan antara kecairan dan tahap pendedahan korporat (Aburaya, 2012; Dhaliwal et al., 2011; Hussainey et al., 2011). Berdasarkan gabungan hujah dari dua perspektif di atas, dijangkakan terdapatnya hubungan antara tahap kecairan dan tahap pendedahan maklumat sumbangan berkaitan Covid -19.



**Rajah 1: Cadangan Rangka Kerja Konseptual Hubungan antara Ciri-Ciri Korporat dan Pendedahan Sumbangan Berkaitan Covid-19**

Berdasarkan kepada perbincangan di dalam seksyen terdahulu, rangka kerja konseptual hubungan antara ciri-ciri korporat dan pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19 seperti Rajah 1 dicadangkan. Ianya merangkumi pengaruh lima ciri korporat iaitu saiz syarikat, reputasi, keuntungan, leveraj kewangan dan kecairan syarikat ke atas tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19 oleh syarikat.

### **Kaedah Penyelidikan**

Populasi kajian merangkumi syarikat senarai awam di pasaran utama Bursa Malaysia bagi tahun berakhir 2020. Data sekunder akan digunakan bagi tujuan kajian ini. Data berkaitan ciri-ciri syarikat dan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19 akan dikumpul menerusi *Thomson Datastream*, laporan tahunan dan laporan kelestarian syarikat yang dimuat turun melalui laman sesawang Bursa Malaysia atau syarikat. Sektor kewangan akan dikecualikan memandangkan terdapatnya perbezaan yang ketara dari segi ciri-ciri pengukuran keuntungan penyata kewangan, pendedahan dan penilaian kecairan (Soliman et al., 2012). Pengecualian industri kewangan sebagai sampel telah aplikasikan oleh beberapa literatur tanggungjawab sosial korporat terdahulu (Roshima Said et al., 2018; Sadou et al., 2017)

Analisis kandungan akan diaplikasikan bagi mengumpul data berkaitan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19. Tahap pendedahan akan dikenalpasti dan diukur berdasarkan jumlah ayat (Canny, 2014; Nor Hawani Wan Abd Rahman et al., 2011) yang mempunyai konteks yang relevan dengan sumbangan berkaitan Covid-19 seperti yang didedahkan di dalam laporan tahunan dan laporan kelestarian syarikat. Beberapa teknik statistik merangkumi analisis deskriptif, analisis korelasi dan analisis regresi berganda akan digunapakai. Analisis regresi berganda akan diaplikasikan bertujuan untuk menilai hubungan antara ciri-ciri korporat dan tahap pendedahan sumbangan berkaitan Covid-19.

### **Penutup**

Pandemik Covid-19 memberi impak negatif yang meluas bukan sahaja terhadap masyarakat tetapi juga sektor ekonomi. Pihak korporat juga perlu memainkan peranan di dalam menyokong usaha kerajaan di dalam memitigasikan kesan pandemik ini terhadap masyarakat. Selain itu permasalahan Covid-19 mungkin menjadi sebagai suatu pemangkin kesedaran ke atas syarikat

bagaimana mereka perlu mengimbangi antara keuntungan dan keperluan pemegang taruh bagi mencapai survival dan pembangunan jangka panjang (He & Harris, 2020). Oleh itu, adalah penting untuk melihat sejauhmana peranan pihak korporat mengambil tanggungjawab di dalam isu ini. Mengambil kira limitasi literatur yang meneliti faktor yang mempengaruhi pendedahan berkaitan filantropi korporat, artikel ini secara konseptualnya membincangkan potensi hubungan antara ciri-ciri korporat dengan pendedahan sumbangan berkaitan Covid – 19. Justeru, perbincangan di dalam artikel ini dipercayai menyumbang kepada pengayaan literatur pemberian korporat serta praktis di kalangan sektor korporat dengan menyediakan suatu perspektif terhadap kemungkinan hubungan antara ciri-ciri korporat dan sumbangan yang spesifik terhadap sesuatu isu, khususnya dari konteks negara sedang membangun seperti Malaysia. Prospek dari pengaplikasian rangka kerja yang dicadangkan turut diyakini dapat memberi satu sudut pandang kepada pemegang taruh berkenaan ciri-ciri syarikat yang turut menjalankan tanggungjawab sosialnya di dalam mendepani pandemik ini. Di samping itu, perbincangan menerusi artikel ini dapat memberi input kepada penyelidik yang lain, untuk menerokai dengan lebih mendalam isu berkaitan filantropi korporat spesifiknya yang berhubung dengan sumbangan berkaitan Covid-19.

Walaubagaimanapun, perbincangan di dalam artikel turut mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian. Limitasi pertama adalah perbincangan hanya memfokuskan kepada lima ciri korporat sedangkan terdapat pelbagai ciri korporat yang lain seperti kumpulan industry dan umur syarikat yang boleh diambil kira. Selain itu, artikel ini tidak menyentuh aspek tadbir urus korporat yang berkemungkinan mampu mempengaruhi aspek pendedahan korporat. Namun begitu, diharapkan diskusi konseptual yang dipersembahkan di dalam artikel ini dapat direalisasikan menjadi sebuah kajian berbentuk empirikal.

## Rujukan

- Aburaya, R.K. (2012). *The relationship between corporate governance and environmental disclosure: UK Evidence*. [Tesis doktor falsafah, Durham University]. <http://etheses.dur.ac.uk/3456/>.
- Akhtaruddin, M., & Hasnah Haron (2010). Board ownership, audit committees' effectiveness and corporate voluntary disclosures. *Asian Review of Accounting*, 18(3), 245-259.
- Amato, L.H., & Amato, C.H. (2007). The effects of firm size and industry on corporate giving. *Journal of Business Ethics*, 72(3), 229-241.
- Amato, L.H., & Amato, C.H. (2012). Retail philanthropy: Firm size, industry and business cycle. *Journal of Business Ethics*, 107(4), 435-448.
- Atkinson, L., & Galaskiewicz, J. (1988). Stock ownership and company contributions to charity. *Administrative Science Quarterly*, 33(1), 82-100.
- Azlan Amran, Ling. L.L., & Sofri Yahya. (2007). A study of corporate philanthropic traits among major Malaysian corporations. *Social Responsibility Journal*, 3(4), 21-30.
- Barnes, E. (2008). Ownership, regulation, information and the capital acquisition process. *Investment Management and Financial Innovations*, 5(3), 62-72.
- Bartkus, B.R., Morris, S.A., & Seifert, B. (2002). Governance and corporate philanthropy. *Business and Society*, 41(3), 319-343.
- Barreiro-Gen, M., Lozano, R., & Zafar, A. (2020). Changes in sustainability priorities in organisations due to the COVID-19 Outbreak: Averting Environmental Rebound Effects on Society. *Sustainability*, 12 (12), 5031.

- Belkaoui, A., & Karpik, P.G. (1989). Determinants of the corporate decision to disclose social information. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 2(1), 36-51.
- Bennett, R. (1998). Corporate philanthropy in France, Germany and UK international comparisons of commercial orientation towards company giving in European nations. *International Marketing Review*, 15(6), 458-475.
- Brammer, S., & Millington, A. (2006). Firm size, organizational visibility and corporate philanthropy: an empirical analysis. *Business Ethics European Review*, 15(1), 6–18.
- Brannen, L. (2008, Oktober). The purpose-driven corporation. *Business Finance*. <http://businessfinancemag.com/article/purpose-driven-corporation-1010>
- Buchholtz, A.K, Amason, A.C., & Rutherford, M.C. (1999). Beyond resources: The mediating effect of top management discretion and value of corporate philanthropy. *Business and Society*, 38(2), 167-187.
- Campbell, D., & Slack, R. (2008). Corporate “philanthropy strategy” and “strategic philanthropy”: Some insights form voluntary disclosures in annual reports. *Business & Society*, 42(7), 187-212.
- Canny, A.R. (2014). The SE-Asian Tsunami Appeal: disclosure of contributions by corporate Australia. *Pacific Accounting Review*, 26(3), 274-301.
- Carroll, A.B. (1979). A three dimensional model of corporate performance. *Academy of Management Review*, 44, 497-505.
- Cha, W., & Abebe, M.A. (2016). Board of directors and industry determinants of corporate philanthropy. *Leadership & Organization Development Journal*, 37(5), 672-688.
- Covid-19: Sunway sumbang RM34 juta (2020, Mac 27). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/03/670088/covid-19-sunway-sumbang-rm34-juta>.
- Covid-19 beri impak besar KDNK Malaysia - Bank Dunia (2020). *Berita Harian*. <https://www.bhplus.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/675645/covid-19-beri-impak-besar-kdnk-malaysia-bank-dunia>.
- Dalilawati Zainal, Norhayah Zulkifli & Zakiah Saleh. (2013). Corporate board diversity in Malaysia: A longitudinal analysis of gender and nationality diversity. *International Journal of Academic Research in Accounting, Finance and Management Science*, 3(1), 136-148.
- De Villiers, C., & Marques, A. (2016). Corporate social responsibility, country-level predispositions, and the consequences of choosing a level of disclosure. *Accounting and Business Research*, 46(2), 167-195.
- Dissanayake, D., Tilt, C. & Qian, Wei. (2019). Factors influencing sustainability reporting by Sri Lankan companies. *Public Accounting Review*, 31 (1), 67-92.
- Faris, N.A.S. (2010). Analysis the determinants of corporate philanthropy: A case study in the Jordanian commercial banks. *Journal of Social Sciences*, 6(2), 244-251.
- Fioravante, P.L. (2011). *Corporate philanthropy and its effect on an organization: A qualitative study*. [Tesis doktor falsafah, Capella Univerisity]. Dissertation Express database. (No. UMI. 3445222).
- Freeman, R. E. (1984). *Strategic Management: A stakeholder approach*. Boston: Pitman.
- Friedman, M. (1970). *The social responsibility of business is to increase its profits*, New York Times Magazine, 13 September.
- Gamerschlag, R., Moller, K., & Verbeeten, F. (2011). Determinants of voluntary CSR disclosure: Empirical evidence from Germany. *Review of Managerial Science*, 5(2-3), 233-262.

- Gan, A. (2006). The impact of public scrutiny on corporate philanthropy. *Journal of Business Ethics*, 69(3), 217-316.
- Genest, C.M. (2005). Cultures, organizations and philanthropy. *Corporate Communications: An International Journal*, 10(4), 315-327.
- Gray, R., Kouhy, R., & Lavers, S. (1995). Corporate social and environmental reporting: A review of the literature and a longitudinal study of UK disclosure. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*, 8(2), 47-77.
- Habbash, M., Sindezingue, C., & Salama, A. (2013). The effect of audit committee characteristics on earnings management. *International Journal of Disclosure and Governance*, 10(1), 13-38.
- He, H., & Harris, L. (2020). The impact of Covid-19 pandemic on corporate social responsibility and marketing philosophy. *Journal of Business Research*, 116, 176–182
- Hess, D., Rogovsky, N., & Dunfee, T.W. (2002). The next wave of corporate community involvement: Corporate social initiatives. *California Management Review*, 44(2), 110-125.
- Hogarth, K., Hutchinson, M., & Scaife, W. (2016). Corporate philanthropy, reputation risk management and shareholder value: A study of Australian corporate giving. *Journal of Business Ethics*, 1-16.
- Hossain, D.M., & Nurazzura Mohamad Diah (2015). Corporate giving in the health sector: A study on the Malaysian Companies. *Middle East Journal of Business*, 10(4), 29-37.
- Huang, C.L., & Kung, F.H. (2010). Drivers of environmental disclosure and stakeholder expectation: Evidence from Taiwan. *Journal of Business Ethics*, 96(3), 435–451.
- Irma Yazreen Md Yusoff & Yee, L.S. (2016). Corporate social responsibility: Ranking public listed companies in Malaysia. *Reitaku Journal of Interdisciplinary Studies*, 24, 107-126.
- Jamali, D. (2008). A stakeholder approach to corporate social responsibility: A fresh perspective into theory and practice. *Journal of Business Ethics*, 82(1), 213–231.
- Jensen, M.C. & Meckling, W.H. (1976), Theory of the firm: Managerial behavior, agency costs and ownership structure. *Journal of Financial Economics*, 3(4), 305-360.
- Jones, G.R., & Tilt, C.A. (2005). Philanthropic reporting by Australian companies. *Journal of the Asia Pacific Centre for Environmental Accountability*, 11(1), 22-25.
- Jonker, J., & Foster D. (2002). Stakeholder excellence: framing the evolution and complexity of a stakeholder perspective of the firm. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 9(4), 187–195.
- Karthick, C.S., Sujatha, G., & Poornachander, B. (2020). *Future Dimension of CSR Post COVID-19*. Cholamandalam MS Risk Services Ltd.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2020). *Situasi Semasa Pandemik COVID-19 Di Malaysia*. <http://covid-19.moh.gov.my/>
- Lev, B., Petrovits, C., & Radhakrishnan, S. (2011, Ogos). Making the business case for corporate philanthropy. *The Conference Board*, 1-9.
- Lyon, T. P., & Maxwell, J.W. (2007). *Corporate social responsibility and the environment: a theoretical perspective*. <http://ssrn.com/abstract=1011793>.
- Madden, K. Scaife, W., & Crissman, K. (2006). How and why small to medium size enterprise engage with their communities: An Australian study. *International Journal of Nonprofit & Voluntary Sector Marketing*, 11(1), 49-60.
- Mahanum Abdul Aziz (2020, April 6). COVID-19: Khazanah sumbang RM20 juta bantu usaha tangani wabak. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/673796/covid-19-khazanah-sumbang-rm20-juta-bantu-usaha-tangani-wabak>

- Masulis, R.W., & Reza, S.W. (2014). *Agency problem of corporate philanthropy*. [http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=2234221](http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2234221).
- Michelon, G., & Parbonetti, A. (2012). The effects of corporate governance on sustainability disclosure. *Journal of Management and Governance*, 16(3), 477-509.
- Mitchell, R.K., Agle, B.R., & Wood, D.J. (1997). Toward a theory of stakeholder identification and salience: defining the principle of who and what really counts. *Academy of Management Journal*, 22 (4), 853-896.
- Morris, S.A., & Bartkus, B.R. (2015). Look who's talking: Corporate philanthropy and firm disclosure. *International Journal of Business and Social Research*, 5(1), 1-14.
- Noble, G., Cantrell, J., Kyriazis, E., & Algie, J. (2008). Motivations and forms of corporate giving behaviour: insights from Australia. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 13 (4), 315-325
- Noked, N. (2011, February 28). Investing in corporate social responsibility to enhance customer value. *The Harvard law school forum on corporate governance and financial regulation*. <http://blogs.law.harvard.edu/corpgov/2011/02/28/investing-in-corporate-social-responsibility-to-enhance-customer-value/>.
- Nor Hawani Wan Abd Rahman, Mustaffa Mohamed Zain & Norashfah Hanim Yaakop Yahaya Al-Haj. (2011). CSR disclosures and its determinants: evidence from Malaysian government link companies. *Social Responsibility Journal*, 7(2), 181-201.
- Owen, C.L., & Scherer, R.F. (1993). Social responsibility and market share. *Review of Business*, 15(1), 11-16.
- Pejabat Perdana Menteri (2020). *Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)*.
- Porter, M.E., & Kramer, M.R. (2002). Competitive advantage of corporate philanthropy. *Harvard Business Review*, 80(12), 56-58.
- Rahizah Abd Rahim, Farah Waheeda Jalaludin & Kasmah Tajuddin. (2011). The importance of corporate social responsibility on consumer behavior in Malaysia. *Asian Academy of*
- Raja Adzrin Raja Ahmad, Tower, G., & Zahn, M.V.D. (2009). Exploratory analysis of corporate philanthropy disclosure practices and influencing factors in Australia. *Financial Reporting, Regulation and Governance*, 8(1), 1-27.
- Raja Adzrin Raja Ahmad. (2010). *Corporate philanthropic discourse*. [Tesis doktor falsafah Curtin University]. [https://espace.curtin.edu.au/bitstream/handle/20.500.11937/182/160443\\_RajaAhmad2011.pdf?sequence=2&isAllowed=y](https://espace.curtin.edu.au/bitstream/handle/20.500.11937/182/160443_RajaAhmad2011.pdf?sequence=2&isAllowed=y).
- Ramadhani, C., & Agustina, L. (2019). Influence of Company Characteristics on Corporate Social Responsibility Disclosures in the Annual Reports of the Manufacturing Companies. *Accounting Analysis Journal*, 8(1), 24-30.
- Roshima Said, Khairunnisa Abd Samad, Noor Zahirah Mohd Sidek, Nurul Fatimah Ilias & Noorain Omar. (2018). Corporate social responsibility disclosure index of Malaysian Shariah-compliant companies. *International Journal of Ethics and Systems*, 34(1), 55-69.
- Roszaini Haniffa & Cooke, T.E. (2005). The impact of culture and governance on corporate social responsibility. *Journal of Accounting and Public Policy*, 24(5), 391-430.
- Ruf, B. M., Muralidhar, R. M., Brown, J., Janney, J., & Paul, K. (2001). An empirical investigation of the relationship between change in corporate social performance and financial performance: A stakeholder theory perspective. *Journal of Business Ethics*, 32(2), 143-156.
- Ruiz, J.M.P, Apraiz, J.C., & Martínez, R.G 3 (2020). Socially responsible investing as a competitive strategy for trading companies in times of upheaval amid COVID-19: Evidence from Spain. *International Journal of Financial Studies*, 8 (41), 1-13.

- Sadou, A., Alom, F., & Laluddin, H. (2017). Corporate social responsibility disclosures in Malaysia: evidence from large companies. *Social Responsibility Journal*, 13(1), 177-202.
- Saiia, D.H, Carroll, A.B., & Buchholtz, A.K. (2003). Philanthropy as strategy. When corporate charity begins at home. *Business and Society*, 42 (2), 169-201.
- Sayd, F., Kabir, M.H., & Lanis, R. (2011). *Determinants of corporate social responsibility disclosure: the case of Islamic banks*. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(2), 114-141.
- Shamsul Nahar Abdullah., Nor Raihan Mohamad & Mohd Zulkifli Mokhtar. (2011). Board independence, ownership and CSR of Malaysian large firms. *Corporate Ownership & Control*, 8(3), 417-431.
- Singhvi, S.S., & Desai, H.B. (1971). An empirical analysis of quality of corporate financial disclosure. *The Accounting Review*, 46(1), 129-138.
- Smith, C.N. (1994). The new corporate philanthropy. *Harvard Business Review*, 72(3), 105-116.
- Soliman, M., El Din, M.B., & Sakr, A. (2012) Ownership structure and corporate social responsibility (CSR): An empirical study of the listed companies in Egypt. *The International Journal of Social Science*, 5(1), 63-74.
- Useem, M. (1988). Market and institutional factors in corporate contributions. *California Management Review*, 30(2), 77-88.
- Valor, C., & Zasuwa, G. (2017). Quality reporting of corporate philanthropy. *Corporate Communication. An international Journal*, 22(4), 486-506.
- Wang, J. & Coffey, B.S. (1992). Board composition and corporate philanthropy. *Journal of Business Ethics*, 11(10), 771-778.
- Werbel, J. D., & Carter, S.M. (2002). The CEO's influence on corporate foundation giving. *Journal of Business Ethics*, 40(1), 47-60.
- Williams, R.J. (2003). Women on corporate boards of directors and their influence on corporate philanthropy. *Journal of Business Ethics*, 42(1), 1-10.
- Worldometer (2020). Covid-19 Coronavirus Pandemic. <https://www.worldometers.info/coronavirus/>.
- Wymer, W. (2006). Special issues in corporate philanthropy. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 11(1), 1-2.
- Zainab Aman & Sarifah Ismail (2017). *The Determinants of Corporate Sustainability Reporting: Malaysian Evidence*. Kertas kerja dibentangkan di 4th International Conference on Management and Muamalah 2017. Putrajaya. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/4th/e proceedings/IC%20009.pdf>
- Zauwiyah Ahmad, Salleh Hassan & Junaini Mohammad. (2003). Determinants of environmental reporting in Malaysia. *International Journal of Business Studies*, 11(1), 69-90.
- Zhou, S.S., Pan, W.H., & Wang, Z. (2015). An empirical examination of the link between corporate philanthropy and financial performance under the China context. *International Journal of Organizational Innovation*, 7(3), 76-95.
- Zubair Hassan, Aishath Nareeman & Pauline, N. (2013). Impact of CSR practices on customer satisfaction and retention: an empirical study on foreign MNCs in Malaysia. *International Journal of Accounting and Business Management*, 1(1), 63-81.